Kenyataan Media

MUAT NAIK KANDUNGAN PALSU TERHADAP KERAJAAN NEGERI PAHANG: MCMC PANGGIL INDIVIDU RAKAM PERCAKAPAN

CYBERJAYA, 22 April 2025 -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah merakam percakapan seorang individu yang dipercayai memuat naik kandungan palsu berkaitan Negeri Pahang di platform Facebook miliknya pada 19 April lalu.

Kandungan tersebut dipercayai dijana melalui bantuan kecerdasan buatan (artificial intelligence-AI) dan susulan itu, pelbagai spekulasi dan persepsi negatif telah timbul dalam kalangan orang awam, berkaitan pekebun haram di daerah Raub, Pahang.

Sesi rakaman percakapan dan siasatan lanjut telah dijalankan di IPD Ampang Jaya semalam (21 April). Sebuah telefon bimbit serta satu kad SIM telah disita bagi tujuan analisis forensik.

Kes disiasat di bawah seksyen 233 Akta 588 dan jika sabit kesalahan, individu terbabit boleh dikenakan denda sehingga RM500,000, atau penjara maksimum sehingga dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

MCMC tidak akan berkompromi dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana individu yang didapati menyalahgunakan laman media sosial bagi tujuan penyebaran hantaran atau komentar palsu.

LAMPIRAN GAMBAR

Sesi rakaman percakapan di IPD Ampang Jaya pada 21 April 2025.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | **F**: + 60 3 86 88 10 00 | **E**: corporate.communications@mcmc.gov.my | **W**: www.mcmc.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia
MCMC_RASMI
SKMM_MCMC
MCMCTV